

NO. SOALAN: 471

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

RUJUKAN : 9783

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kapasiti rasmi bagi setiap pusat tahanan Imigresen di Malaysia dan kapasiti operasi semasa bagi setiap pusat tahanan imigresen tersebut dalam tempoh 12 bulan dari Januari ke Disember 2016.

JAWAPAN:

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menguruskan 14 buah Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dengan jumlah kapasiti 13,500 orang.

Senarai depot tahanan dan kapasiti adalah seperti berikut:

i)	DTI Ajil, Terengganu	900 orang
ii)	DTI Bekenu, Sarawak	600 orang
iii)	DTI Bukit Jalil, Kuala Lumpur	1,200 orang
iv)	DTI Juru, Pulau Pinang	500 orang
v)	DTI KLIA, Selangor	1,100 orang
vi)	DTI Langkap, Perak	1,500 orang
vii)	DTI Lenggeng, Negeri Sembilan	1,500 orang
viii)	DTI Machap Umboo, Melaka	1,250 orang
ix)	DTI Pekan Nenas, Johor	1,500 orang
x)	DTI Semenyih, Selangor	1,250 orang
xi)	DTI Semuja, Sarawak	700 orang
xii)	DTI Tanah Merah, Kelantan	550 orang
xiii)	DTI Belantik, Kedah	950 orang
xiv)	DTI Kemayan, Pahang	(Proses ubahsuai)

Manakala statistik jumlah tahanan yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen seluruh negara mengikut tahun adalah seramai 63,935 orang pada tahun 2013, 84,513 orang pada tahun 2014, 94,242 orang pada tahun 2015, 87,191 orang pada tahun

**2016 dan 12,822 orang bagi tempoh bulan Januari 2017 sehingga
22 Februari 2017.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN

SOALAN : NO. 472

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) jumlah dana yang disalurkan kepada PTPTN untuk dipinjamkan kepada pelajar setiap tahun untuk 5 tahun yang lalu dan jumlah dividen yang dibayar kepada peserta skim simpanan dan jumlah faedah yang dikutip daripada peminjam bagi tempoh lima tahun yang lalu; dan
- (b) jumlah keuntungan atau kerugian PTPTN bagi 5 tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2003 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak lagi menerima geran daripada Kerajaan bagi tujuan pembiayaan pelajar. PTPTN perlu mendapatkan dana melalui pinjaman dan sukuk daripada institusi kewangan tempatan. Jumlah pinjaman atau sukuk yang diperolehi adalah berdasarkan kepada keperluan pinjaman pelajar dan tertakluk juga kepada kemampuan kewangan PTPTN.

Pembiayaan yang telah dikeluarkan kepada pelajar untuk tempoh 5 tahun dari 2012 hingga 2016 adalah berjumlah RM19.88 bilion. Bagi memastikan semua pelajar yang layak mendapat pinjaman berdasarkan kepada kemampuan kewangan PTPTN, pada tahun 2014 PTPTN telah menurunkan jumlah pinjaman antara 5% hingga 15% untuk semua

peminjam baharu. Melalui kaedah ini semua peminjam masih dapat menikmati pinjaman yang disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membudayakan penabungan dikalangan masyarakat, PTPTN telah memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional-i (SSPN-i). Matlamatnya adalah supaya para ibu bapa dapat menyimpan sejak dari awal untuk pendidikan anak-anak mereka dan dengan itu pinjaman tidak lagi diperlukan kerana simpanan SSPN-i dapat digunakan untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka.

Pelbagai keistimewaan telah diberikan melalui SSPN-i, antaranya kadar dividen yang amat kompetatif. Dari tahun 2012 hingga 2016, kadar dividen yang diberikan adalah antara 4% hingga 4.25% dengan amaun terkumpul berjumlah RM256 juta.

Upah atau ujrah yang dikenakan pada kadar 1% setahun adalah bagi tujuan membiayai operasi PTPTN dan pemantapan sistem pengurusan pinjaman. PTPTN juga membuat pelaburan di pasaran wang melalui simpanan tetap bagi tujuan pemberian dividen SSPN-i dan bagi menampung sebahagian perbelanjaan mengurus PTPTN.

Bagi tempoh 5 tahun yang lepas iaitu tahun 2012 hingga tahun 2016, hasil yang diperolehi adalah berjumlah RM2.64 bilion, manakala perbelanjaan terkumpul adalah sebanyak RM2.32 bilion. Lebih RM319 juta adalah bagi tujuan pemantapan operasi PTPTN dari semasa ke semasa.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA**

: DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) peratusan pelajar yang berjaya lulus hanya satu, dua dan tiga mata pelajaran bahasa dalam SPM dengan pecahan terperinci mengikut kaum mereka; dan
- (b) bilakah Bahasa Inggeris atau bahasa kedua akan dijadikan mata pelajaran wajib lulus.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Semua calon baharu SPM perlu mendaftar enam mata pelajaran teras termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Mereka juga dibenarkan mendaftar mata pelajaran elektif maksimum 12 mata pelajaran termasuk mata pelajaran teras. Selain daripada dua mata

pelajaran teras bahasa, calon mendaftar satu lagi mata pelajaran bahasa.

Secara purata tiga tahun, bilangan calon yang mendaftar dua mata pelajaran bahasa hanya 14.1 peratus gagal satu mata pelajaran dan hanya 5.4 peratus gagal kedua-dua mata pelajaran. Manakala bagi calon yang mendaftar tiga mata pelajaran bahasa hanya 1.7 peratus gagal satu mata pelajaran, hanya 1.2 peratus gagal kedua-dua mata pelajaran dan 0.7 peratus gagal ketiga-tiga mata pelajaran.

- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia belum memuktamadkan tahun pelaksanaan dasar menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai wajib lulus peringkat SPM kerana perlu memberi ruang dan peluang kepada guru, murid serta pihak berkaitan dalam membuat persediaan yang lebih rapi.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA**

**: DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan markah bagi gred A dan A+ yang diberikan untuk mata-mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia setiap tahun, dan ; dan
- (b) sama ada boleh diselaraskan markah untuk semua mata pelajaran supaya peratusan A dan A+ yang diberikan adalah setanding bagi setiap mata pelajaran.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Lembaga Peperiksaan adalah badan yang bertanggungjawab dalam menentukan standard dan peringkat pencapaian calon. Kaedah

penentuan standard (*standard fixing*) digunakan untuk menentukan tahap penguasaan, pencapaian dan kompetensi murid melalui peperiksaan awam. Dalam hal ini, pertimbangan dibuat dengan mengambilkira reka bentuk instrumen, prestasi pencapaian calon serta pola pencapaian beberapa tahun yang lepas. Setiap mesyuarat penentuan standard turut melibatkan pakar-pakar pentaksiran luar negara dan keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan profesional dan bukti empirikal.

- (b) Setiap mata pelajaran mempunyai faktor yang berbeza dan sudah tentu gred yang ditetapkan juga berbeza. Penentuan markah sempadan dan juga gred peperiksaan adalah mengikut garis panduan dan prosedur yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan perkara tersebut adalah sulit serta tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia 1972.